

11/11/1999

Pas bersandiwara dengan DAP untuk raih undi

Rasid Rahaman

MURSYIDUL Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika ditemui pemberita di majlis jamuan teh bagi mengisi tabung Pas cawangan Flet Jalan Bayam di Kota Bharu, Jumaat lalu berkata, parti itu bersedia menerima pemimpin DAP, walaupun bukan Islam, menjadi Perdana Menteri jika pakatan barisan alternatif memenangi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, Pas tidak memaksa orang bukan Islam memeluk agama Islam sebagai syarat bagi membolehkan mereka memimpin negara.

Bagaimanapun, ketika berceramah di Kuala Terengganu, Ahad lalu, beliau berkata untuk menjadi Perdana Menteri, Pas memberi syarat kepada DAP supaya mematuhi wadah untuk melaksanakan Islam sebagai ditetapkan dalam manifesto pakatan barisan alternatif.

Mengulas kenyataan Nik Aziz itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Pas hanya bersandiwara apabila membuat janji untuk menerima pemimpin bukan Islam daripada DAP sebagai Perdana Menteri jika pakatan empat parti pembangkang dalam barisan alternatif memenangi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, janji itu cuma muslihat Pas untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina.

"Yang dia (Pas) cakap itu nak bagi dengar kepada DAP saja. Tetapi apabila berceramah tertutup, ceramah untuk orang Melayu saja, lain pula dia kata," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, rakyat boleh menilai kejujuran Pas kerana sejarah membuktikan parti itu sentiasa berbohong dan gagal menunaikan janjinya.

Dengan memberi contoh: "Kita tahu sejarah Pas...dia berjanji dengan 46 (parti Semangat 46) kalau menang di Kelantan, 46 akan menjadi Timbalan Menteri Besar...itu pun dia tak tunai."

Ini adalah antara isu `panas' yang kini menjadi perbincangan banyak pihak termasuk membabitkan pemimpin negara kerana begitu terperanjat dengan pendirian Pas yang dikatakan sanggup berlembut dengan DAP, sebuah parti yang menentang sekeras-kerasnya usaha menjadikan negara ini negara Islam.

Kenapa Pas sanggup mengorbankan dasar perjuangannya menegakkan negara Islam malah apa yang lebih memmeranjatkan tanpa segan silu parti itu membenarkan bukan Islam menjadi Perdana Menteri?

Jawapannya mudah. Ia hanya untuk memastikan parti itu memenangi pilihan raya umum terutama di Kelantan. Parti itu sanggup melakukan apa saja, asalkan cita-cita itu dapat dilaksanakan walaupun kebanyakan ahlinya tidak bersetuju dengan pendekatan itu.

Pas terpaksa melakukan pendekatan itu kerana tanpa rakan, kemungkinan peristiwa pilihan raya umum 1978 berulang lagi. Sejarah membuktikannya, selepas tempoh itu, Pas tidak mampu memenangi sebarang pilihan raya umum terutama di Kelantan jika tidak mempunyai rakan atau bantuan daripada parti lain.

Perlu diingat, Pas hanya kembali bertenaga apabila merampas Kelantan daripada Umno dalam pilihan raya umum 1990 sebaik bergabung dengan parti pembangkang lain di bawah Angkatan Perpaduan Ummah (APU). APU menyapu bersih semua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen di Kelantan.

Gabungan itu membabitkan Parti Melayu Semangat 46 (S46), Berjasa dan Hamim disusuli dengan motto di bawah kepemimpinan ulama membolehkan Pas memerintah Kelantan sehingga hari ini.

Bagaimanapun, gagasan APU mula merosot apabila Umno melalui BN memenangi tujuh kersui DUN dan dua Parlimen pada 1995.

Jumlah kerusi BN dalam DUN bertambah apabila APU berpecah sehingga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) S46 masuk Umno selepas Presidennya, Tengku Razaleigh Hamzah membubarkan parti itu pada 6 Oktober 1996.

Harapan parti itu untuk menumbangkan Barisan Nasional (BN) kini hanya bergantung kepada DAP, selepas S46 dibubarkan manakala Berjasa dan Hamim rakan dalam APU, melarikan diri. Hendak harapkan bantuan daripada Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), tentunya tidak ke mana-mana kerana kedua-dua parti terbabit tidak mempunyai pengaruh kuat.

Kini Pas keseorangan dalam menghadapi Umno di Kelantan, malah parti itu juga berhadapan dengan parti serpihannya seperti Berjasa, Hamim, Akim, Islah dan parti Pas Baru yang kini menyertai Angkatan Insaf Rakyat (AIR), yang berhasrat menumbangkan kerajaan Pas yang ada sekarang.

Oleh kerana menyedari tanpa bantuan rakan, sukar untuk Pas memenangi pilihan raya umum akan datang, terutama mengekalkan pemerintahannya di Kelantan, Pas perlu mencari rakan yang mempunyai pengaruh kuat. Mungkin harapannya kini hanya kepada DAP. Sebab itu, Pas bersedia bekerjasama dan sanggup mengetepikan segala dasarnya bagi memastikan hati rakan itu dapat dijaga.

Dan mungkin selepas memenangi pilihan raya dan Pas dapat memastikan Kelantan masih di bawah pemerintahannya, barisan alternatif yang dianggotainya akan berpecah dengan haluan masing-masing seperti mana yang berlaku dalam APU.

Mungkin lebih dahsyat, apabila keempat-empat parti yang bergabung dalam alternatif tidak mendapat kata sepakat untuk memilih Perdana Menteri.

Seperti kata Perdana Menteri, Pas sebenarnya tidak boleh dipercayai dan sanggup berjanji apa saja untuk mendapatkan sokongan politik termasuk di kalangan masyarakat Cina.

(END)